# RM400 juta kos naik taraf Hospital Segamat

SEGAMAT 7 Nov. - Kerja-kerja menaik taraf Hospital Segamat di sini, yang dijadual bermula awal tahun depan secara berperingkat-peringkat dijangka menelan kos keseluruhan sebanyak RM400 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat (**gambar**) berkata, projek tersebut melibatkan empat fasa dan fasa pertama adalah menambah baik kemudahan dan prasarana hospital dengan kos RM100 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri.

"Setiap fasa menelan kos RM100 juta menjadikan jumlah keseluruhan pembinaan projek berkenaan adalah sebanyak RM400 juta. Fasa-fasa lain melibatkan pengambilalihan tanah milik Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk dibina pejabat pengurusan dan kuarters kakitangan hospital.

"Urusan pengambilalihan tanah RTM yang terletak bersebelahan hospital berkenaan setakat ini berjalan lancar dan jika tiada sebarang masalah projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 2019," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ayub yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemelah berkata, projek itu merupakan salah satu usaha memenuhi keperluan penduduk di daerah ini sekali gus menawarkan kemudahan kesihatan yang lebih baik.

Menurutnya, selepas ini bilangan doktor pakar juga akan ditambah dari lapan jenis kepakaran sekarang menjadi 18 dalam usaha menjadikan Hospital Segamat sebagai hospital pakar menjelang 2019.

"Di negeri ini hospital yang ada tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit yang semakin ramai disebabkan pembangunan di sekitarnya lebih cepat berbanding pembangunan hospital.

"Contohnya di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru. Di sekelilingnya sudah maju tetapi hospital tersebut tetap dalam keadaan yang sama," katanya.

Selain itu, Ayub bercadang mengumpulkan kesemua pentadbiran kerajaan di daerah ini di dalam sebuah bangunan bagi memudahkan penduduk melakukan urusan memandangkan bangunan kerajaan sedia ada tidak tersusun.

Artikel Penuh:
http://www.utusan.com.my/utusan/Johor/20131108/wj_02/RM400-juta--kos-naik-taraf-Hospital-Segamat#ixzz35WJ3tWfR
© Utusan Melayu (M) Bhd